

**KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA  
MENGENAI SEMAKAN SEMULA HARGA GAS ASLI  
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

1. Selaras dengan pelan rasionalisasi subsidi negara bagi memastikan bekalan gas asli adalah sentiasa terjamin untuk memenuhi permintaan sektor bukan elektrik yang kian meningkat, kerajaan telah memutuskan bahawa berkuatkuasa 1 Julai 2015, tarif gas asli yang dibekalkan oleh Gas Malaysia Berhad disemak semula seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Baru Mulai 1 Julai 2015 (RM/mmBtu)
A	Pengguna Domestik	19.52	19.52
B	0 - 600	21.00	20.30
C	601 - 5,000	18.19	20.40
D	5,001 - 50,000	18.55	20.60
E	50,001 - 200,000	19.44	21.50
F	200,001 - 750,000	19.63	21.50
L	Melebihi 750,000	20.11	22.22
Purata		19.77	21.80

2. Semakan semula tarif gas asli tidak akan melibatkan kenaikan bagi pengguna gas asli kategori A dan kategori B yang masing-masing terdiri daripada pengguna domestik dan komersial.

**SURUHANJAYA TENAGA**

9 Jun 2015